

22 MAR 1996

AGONG UTUS TAHNIAH SEMPENA HARI PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja`afar mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Sardar Farooq Ahmad Khan Leghari sempena sambutan Hari Pakistan negara itu esok.

Dalam kenyataan akhbar oleh Jabatan Penerangan di sini hari ini, Seri Paduka berharap rakyat Pakistan sentiasa menikmati keamanan, kemajuan dan kesejahteraan.

Seri Paduka juga yakin bahawa hubungan yang erat dan baik antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Puan Benazir Bhutto berharap kedua-dua negara dapat terus bekerjasama untuk mempereratkan lagi hubungan persahabatan serta kerjasama demi kebaikan rakyat bersama.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula menyampaikan ucapan tahniah kepada Menteri Luar Pakistan Sardar Aseff Ahmed Ali. -- BERNAMA

RV FAZ